

Muhyiddin mahu peladang ceburi peluang baru
Utusan Online
06 April, 2012

GURUN 5 April – Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu para peladang di negara ini menceburi peluang baru dalam bidang-bidang pertanian termasuk mengusahakan projek yang lebih bersifat komersial.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu, melalui pendekatan itu, para petani boleh meningkatkan lagi pendapatan dan pada masa yang sama lebih bersifat lestari masa depan.

“Saya mahu melihat peladang di negara kita melangkah ke hadapan dan tidak bergantung kepada tanah atau hasil pertanian semata-mata. Banyak bidang berkaitan pertanian yang boleh dikembangkan antaranya, melibatkan diri dalam industri pembuatan jentera ataupun menghasilkan bahan-bahan mentah yang diperlukan sektor ini.

“Sudah sampai masa, kita mengorak langkah ke hadapan mencari peluang baru, cari jaminan masa hadapan yang bersifat lestari untuk jangka panjang. Jika boleh lakukan, petani kita akan mencapai kejayaan besar,” katanya ketika merasmikan kilang baja Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd. dan majlis perjumpaan bersama pemimpin peladang di seluruh Kedah di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar; Timbalannya, Datuk Mohd. Johari Baharom; Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah; Pengerusi Lembaga Petubuhan Peladang (LPP), Datuk Zainal Dahalan dan Pengerusi Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman.

Terdahulu, Muhyiddin ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama pemandu teksi dan kereta sewa serta peniaga kecil seluruh Kedah di Sungai Petani berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) komited untuk memastikan rakyat negara ini menikmati pendapatan dua kali ganda kepada AS\$19,000 atau hampir RM60,000 setahun menjelang tahun 2020.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0406&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_03.htm